

## **SOLAT SUNAT ISTISQA' (SOLAT MEMOHON HUJAN)**

### **1. Pendahuluan.**

*Istisqa'* bermaksud meminta siraman air. Ia juga bermakna doa kepada Allah *subhanahu wata'ala* untuk meminta diturunkan hujan dengan cara yang tertentu sama ada berdoa ketika khutbah Jumaat, berdoa setelah selesai solat, berdoa secara sendirian (tanpa solat atau khutbah) dan dengan mengerjakan **Solat Sunat Istisqa'**.

Solat solat Istisqa' ialah solat yang disyariatkan dengan tujuan yang khusus untuk memohon kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diturunkan hujan apabila berlakunya kemarau. Hukumnya sunat muakkad ke atas orang yang bermukim, bermusafir, merdeka, hamba, baligh dan belum baligh, lelaki serta perempuan.

### **2. Dalil.**

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَرَجَ مُتَبَدِّلاً مُتَوَاضِعًا مُتَضَرِّعًا حَتَّىٰ أَتَى الْمُصَلَّى فَلَمْ يَخْطُبْ خُطْبَتَكُمْ هَذِهِ وَلَكِنْ لَمْ يَرْلُ فِي الدُّعَاءِ وَالْتَّضَرُّعِ وَالْتَّكْبِيرِ وَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ كَمَا كَانَ يُصَلِّي فِي الْعِيدِ.

(رواه الترمذی)

**Maksudnya:** Daripada Ibnu Abbas *radhiyallahu anhuma*, dia berkata : “*Bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah keluar (untuk mengerjakan solat sunat Istisqa')* dengan berpakaian biasa, tawaduk dan merendah diri sehingga sampai ke tempat solat. Baginda tidak berkhutbah seperti khutbah kamu ini, akan tetapi Baginda berterusan berdoa, merendah diri dan bertakbir, dan Baginda mengerjakan sembahyang dua rakaat sebagaimana sembahyang sunat Hari Raya.”

(*Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi*)

### **3. Cara Melaksanakan Solat Sunat Istisqa'.**

1. Boleh dilakukan secara sendirian.
2. Lebih afodal jika dilakukan secara berjamaah. Solat sunat ini dilakukan bagi tujuan meminta hujan.

### **4. Persediaan Bagi Melaksanakan Solat Sunat Istisqa'.**

Perlu menginsafi bahawa manusia tidak mempunyai upaya untuk menentukan sesuatu, kecuali dengan kehendak Allah *subhanahu wata'ala*. Oleh itu, sebelum solat atau

bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala*, orang ramai perlu membuat persediaan berikut, antaranya :

1. Bertaubat dengan sebenar-benarnya;
2. Bersedekah kepada fakir miskin, meninggalkan kezaliman dan mendamaikan persengketaan; dan
3. Berpuasa selama empat hari berturut-turut.
4. Pada hari keempat, seluruh penduduk dengan pakaian yang biasa, merendah diri dan bersopan santun, diminta turut sama keluar beramai-ramai ke tanah lapang (lebih utama) atau masjid bagi menunaikan solat secara berjamaah. Sunat dibawa bersama-sama ke kawasan bersolat kanak-kanak, orang tua dan binatang ternakan. Ini adalah kerana bencana yang menimpa turut mengenai mereka semua.

#### **5. Kaifiyat Solat Sunat Istisqa'.**

1. Dilakukan dua rakaat sama seperti solat sunat hari raya.
2. Disunatkan untuk (bilal) melaungkan الصَّلَاةُ حَامِعَةً untuk memulakan solat.
3. Lafaz niat solat sunat istisqa':

أُصَلَّى سُنَّةُ الْإِسْتِسْقَاءِ رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

**Maksudnya :** Sahaja aku solat sunat istisqa' 2 rakaat menjadi imam/ makmum kerana Allah Ta'ala.

4. Seperti solat sunat hari raya, selepas membaca doa iftitah, disunatkan **bertakbir sebanyak tujuh (7) kali** dengan diselangi bacaan tasbih pada rakaat pertama dan **lima (5) kali takbir** yang juga diselangi dengan tasbih pada rakaat kedua.

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ  
الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

5. Imam sunat menyaringkan suara ketika membaca surah al-Fatiyah dan surah lain selepasnya.
6. Selepas membaca Surah al-fatihah, membaca surah al-A'la pada rakaat pertama dan surah al-Ghasiyah pada rakaat kedua.
7. Selepas salam dan selesai solat, imam atau khatib disunatkan berkhutbah (membaca dua khutbah).

## **6. Kaifiat Khutbah Istisqa'**

1. Khutbah dilakukan selepas solat sunat Istisqa'.
2. Khutbah pertama dimulakan dengan **beristighfar sebanyak sembilan (9) kali**, dan pada khutbah kedua, khatib akan **beristighfar sebanyak tujuh (7) kali**.
3. Setelah berlalu satu pertiga khutbah yang kedua, khatib hendaklah berpaling menghadap kiblat dan membelaangi para jemaah.
4. Seterusnya, khatib mengubah kedudukan selendangnya yang bahagian atas ke bawah, dan yang bahagian bawah ke atas, dan yang bahagian kanan di ubah ke kiri dan yang bahagian kiri diubah ke kanan. Para jemaah juga disunatkan melakukan perkara yang serupa.

### **\* Peringatan**

1. Jika hujan turun (banyak atau sedikit) **sebelum** solat istisqa' didirikan, maka disunatkan juga orang ramai untuk keluar ke tempat solat istisqa' untuk mendengar nasihat dan peringatan (**الوعظ**), berdoa dan bersyukur. Disunatkan juga supaya meneruskan solat (istisqa') sebagai mensyukuri nikmat Allah (hujan) dan mengharapkan tambahannya. Solat pada ketika itu boleh didirikan di dalam masjid atau menunggu sehingga hujan reda jika hendak melakukannya di kawasan lapang atau musalla.
2. **Jika hujan turun selepas solat didirikan**, maka tidak disyariatkan untuk melakukan lagi solat istisqa' buat kali yang kedua, ketiga dan seterusnya.
3. **Jika solat telah didirikan, tetapi hujan masih belum turun**, maka disunatkan pada hari-hari yang berikutnya untuk melakukan lagi solat istisqa' buat kali yang kedua, ketiga dan seterusnya, sehingga hujan turun (tanpa perlu berpuasa selama 3 hari terlebih dahulu untuk setiap solat tersebut berdasarkan qaul yang paling sahih).

Disediakan oleh:

Majlis Islam Sarawak  
Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah,  
Lorong P. Ramlee, Off Jalan P. Ramlee,  
93400 Kuching.